

**NO.SOALAN : 497**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : TUAN IGNATIUS DORELL LEIKING  
[PENAMPANG]**

**SOALAN : 497**

**YB Tuan Ignatius Dorell Leiking [ Penampang ] minta PERDANA MENTERI menyatakan "Territorial Sea Act 2012 (Act 750)" sudah dipersetujui oleh Dewan Undangan Negeri Sabah dan jika tujuan akta tersebut adalah untuk pengambilan alih Kerajaan Persekutuan atas perairan Sabah (hingga 200 *nautical miles*).**

**JAWAPAN:** **YB. DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

**Tuan Yang Di Pertua,**

Akta Laut Wilayah 2012 (*Territorial Sea Act 2012*) [Act 750] digubal bertujuan untuk mewujudkan satu undang-undang persekutuan khas untuk menetapkan mengenai lebar laut wilayah Malaysia. Objektif utama pihak Kerajaan adalah untuk mengekalkan hak kedaulatan Malaysia ke atas laut wilayahnya dan memastikan keutuhan sempadan laut wilayah Malaysia terus terpelihara.

Akta Laut Wilayah 2012 ini juga digubal selari dengan prinsip perundangan antarabangsa dan domestik yang berkaitan serta telah mengambil kira semua peruntukan-peruntukan Konvensyen Undang-Undang Laut (KUUL) 1982 khususnya yang berkaitan dengan laut wilayah.

Akta ini tidak monjejaskan hak dan kuasa pihak berkuasa negeri dalam kawasan laut wilayah negeri masing-masing.

Sekian.Terima Kasih.

## **PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN**

**DARIPADA : Y.B DATO' SERI DR. WAN AZIZAH BINTI WAN ISMAIL**

**SOALAN : NO. 498**

**Dato' Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail [ Permatang Pauh ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan kadar jumlah pengambilan pelajar baru, jumlah graduan yang dihasilkan, jumlah graduan yang mendapat pekerjaan dan jumlah graduan yang menjadi penganggur untuk setiap 20 buah universiti awam bagi tempoh 2013-2015 dan jumlah graduan yang telah mengikuti program "up-skilling" dan Skim Latihan 1Malaysia (SL1M) sejak ia diperkenalkan sehingga 1 Mei 2016.

### **JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan statistik pendidikan tinggi negara, dari tahun 2013 hingga 2015, terdapat seramai 507,502 orang pelajar (warganegara) yang mendaftar di Universiti Awam (UA).

Daripada jumlah tersebut, terdapat seramai 356,396 orang graduan (warganegara) di UA yang menyertai Sistem Kajian Pengesanan Graduan (SKPG), Kementerian Pendidikan Tinggi yang diisi semasa konvokesyen bagi tempoh yang sama. Status graduan (warganegara) yang bekerja pada tahun 2013 adalah sebanyak 75.5 peratus, 2014 (75.4 peratus) dan 2015 (76.1 peratus). Sementara itu, bilangan graduan (warganegara) yang masih belum bekerja semasa konvokesyen pada tahun 2013 adalah sebanyak 24.5 peratus, 2014 (24.6 peratus) dan 2015 (23.9 peratus).

Untuk makluman, program Skim Latihan 1Malaysia (SL1M) adalah di bawah bidang kuasa Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri.